

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

16. Binaan haram di kawasan perumahan.
- (a) Berapakah bilangan binaan haram yang terdapat di seluruh Pulau Pinang yang akan diambil tindakan mengikut daerah?
 - (b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani isu ini?
 - (c) Sebutkan jenis-jenis binaan tersebut.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengenal pasti sebanyak 697 bilangan kes binaan haram atau binaan tanpa kebenaran yang terdapat di kawasan perumahan seluruh Pulau Pinang. Bilangan kes binaan haram atau binaan tanpa kebenaran mengikut daerah dari tahun 2018 sehingga Mac 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kerajaan Negeri telah mengarahkan ke semua binaan haram atau binaan tanpa kebenaran yang terdapat di kawasan perumahan di ambil tindakan oleh kedua-dua PBT. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan garis

panduan untuk memudahkan pemilik mendapatkan kebenaran PBT seperti berikut:

- (i) Prosedur Kelulusan Tambahan dan Pindaan Melalui Buku Panduan dan Tambahan Kecil Rumah Kediaman Di Sekim Perumahan Kawasan Seberang Perai;
- (ii) Prosedur Kelulusan Pelan Pindaan dan Tambahan Rumah Kediaman di Seluruh Kawasan Seberang Perai; dan
- (iii) Garis Panduan Pindaan dan Tambahan Tanpa Kebenaran Rumah Kediaman Yang Tidak Mempunyai Ruang Kelegaian 2.0 Meter dengan Sempadan Lot.

Selain itu, tindakan-tindakan yang diambil oleh PBT untuk menangani isu binaan haram atau binaan tanpa kebenaran adalah seperti berikut:-

- (i) Mengeluarkan notis meruntuh dan notis mengosong di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 terhadap binaan tanpa kebenaran yang telah dikenal pasti;
- (ii) Mengeluarkan kompaun kepada pemilik bangunan yang gagal mematuhi arahan notis;
- (iii) Mengambil tindakan merampas barang/peralatan dan meruntuh binaan;
- (iv) Mengambil tindakan pendakwaan ke mahkamah; dan
- (v) Sekiranya masih ingkar, langkah terakhir adalah penguatkuasaan secara fizikal/meruntuh.

- (c) Jenis-jenis binaan tanpa kebenaran yang di bina di kawasan taman perumahan/bangunan sedia ada adalah seperti berikut:-
- (i) Binaan tambahan kepada premis/rumah kediaman;
 - (ii) Binaan di atas tanah lapang, bahu jalan dan Lorong belakang (tanah kerajaan); dan
 - (iii) Binaan tambahan bagi premis yang tukar guna daripada kediaman kepada aktiviti selain kediaman.

LAMPIRAN A

BILANGAN BINAAN HARAM ATAU BINAAN TANPA KEBENARAN YANG TERDAPAT YANG TERDAPAT DI SELURUH PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH DARI TAHUN 2018 SEHINGGA MAC 2020

NO.	DAERAH	BILANGAN KES
1.	Seberang Perai Utara	61
2.	Seberang Perai Tengah	187
3.	Seberang Perai Selatan	393
4.	Timur Laut	46
5.	Barat Daya	10
	JUMLAH	697